

**TEKS UCAPAN PERASMIAN PENUTUP PROGRAM  
YANG BERBAHAGIA  
PROF. DR. ASMADI BIN MOHAMED NAIM  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH  
SEMPENA  
PROGRAM GEMA MAHABBAH '21 : MAHASISWA KECEMERLANGAN UMMAH PADA  
HARI RABU-JUMAAT, 15-17 DISEMBER 2021 PUKUL 9.15 MALAM**

---

**SALUTASI**

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis.

- 1) Yang Berusaha En. Mohd Marwan bin Mohd Salleh, Pengarah Pusat Hal Ehwal Pelajar UniSHAMS.
- 2) Yang dikasihi Presiden Majlis Perwakilan Mahasiswa, Barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Mahasiswa UniSHAMS dan semua permuafakatan Dakwah UniSHAMS.
- 3) Yang saya hormati Majlis Dakwah Negara (MDN) dan Lembaga Maktab Mahmud
- 4) Serta 8 perwakilan pelajar dari institusi awam dan swasta iaitu  
MPP Universiti Teknologi Mara (UITM) Sungai Petani,  
MPP Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah,  
MPP Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS),  
MPP Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman (IPDA),  
MPP Institut Latihan Perindustrian (ILP) Jitra,  
MPP Institut Al Quran Darul Aman (IQDAR),  
MPM Kolej Islam Darul Ulum (KIDU),  
MPP Al-Bukhary International University (AIU)

dan semua barisan penggerak, para pelajar, tuan-tuan puan-puan, dan para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

## **KATA PEMBUKA**

1. Terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah berkat dan keizinan daripada-Nya, kita dapat bersama-sama menyerikan dan menjayakan program Gema Mahabbah '21 : Mahasiswa Kecemerlangan Ummah yang diadakan buat julung-julung kalinya ini. Syabas dan tahniah kepada semua ahli jawatankuasa pelaksana yang telah berjaya merancang dan melaksanakan program Gema Mahabbah '21 pada tahun ini yang telahpun berlangsung sejak 15 Disember yang lalu. Tahniah dan syabas saya ucapkan.
2. Saya juga turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengarah Pusat Hal Ehwal Pelajar UniSHAMS, En. Mohd Marwan Bin Mohd Salleh, Majlis Perwakilan Mahasiswa UniSHAMS dan Pengarah Program, Saudara Mohd Aiman Aqil Bin Hamidi kerana telah menjemput saya untuk menyempurnakan Majlis Penutup Program Gema Mahabbah '21 : Mahasiswa Kecemerlangan Ummah pada malam ini.

## **PENERANGAN PROGRAM**

3. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Perlaksanaan Program Gema Mahabbah '21 : Mahasiswa Kecemerlangan Ummah yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Mahasiswa UniSHAMS dibawah kelolaan Biro Dakwah dan Kerohanian merupakan satu usaha murni yang wajar untuk dicontohi. Saya difahamkan program ini telah bekerjasama dengan majlis perwakilan pelajar dari 8 institusi pengajian tinggi awam dan swasta seperti MPP Universiti Teknologi Mara (UITM) Sungai Petani, MPP Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, MPP Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), MPP Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman (IPDA), MPP Institut Latihan Perindustrian (ILP) Jitra, MPP Institut Al Quran Darul Aman (IQDAR), MPM Kolej Islam Darul Ulum (KIDU), MPP Al-Bukhary International University (AIU) dan tidak dilupakan juga seperti Majlis Dakwah Negara (MDN) dan Lembaga Maktab Mahmud yang juga berkolaborasi bersama.

4. Pelbagai pengisian ilmu yang telah dikongsikan oleh para penceramah dalam program ini yang mana ia meliputi tiga teras utama dalam agama Islam iaitu merangkumi aspek tauhid, feqah dan tasawwuf. Oleh yang demikian, penganjuran program seperti ini dapat memberi pemahaman dan penghayatan agama yang luas khususnya kepada mahasiswa/wi dalam menguasai segenap bidang ilmu pengetahuan.

5. Selain itu, program ini juga diadakan untuk mendekatkan diri mahasiswa/wi dengan ilmu, akhlak dan cabaran dunia pada masa kini. Malah pendedahan seperti ini dapat melahirkan mahasiswa dan masyarakat yang berpengetahuan dan berkeperibadian tinggi serta berkualiti. Seterusnya, dapat mewujudkan jaringan komunikasi dan hubungan baik di antara mahasiswa, pihak universiti serta pihak luar sekaligus menjadi satu permulaan yang baik kepada UniSHAMS ke arah sebuah Universiti yang dikenali.

6. Para pelajar yang dikasihi sekalian.

Islam merupakan agama yang amat mementingkan akhlak di dalam kehidupan manusia. Ini juga amat tepat sekali kerana tujuan utama Nabi Muhammad SAW diutuskan ke dunia ini adalah untuk membawa mesej akhlak mulia untuk dihayati oleh semua peringkat manusia di dunia ini. Bersesuaian dengan syariat islam yang dibawa meliputi tauhid, feqah dan tasawuf yang dapat memperkukuhkan keyakinan diri mahasiswa/wi agar dapat memanfaatkan ilmu yang diperolehinya.

Adalah diharapkan program keagamaan seumpama ini akan dijadikan wadah oleh setiap daripada mahasiswa/wi dalam menjalani kehidupan dan semoga Allah Swt memberi petunjuk dan inayahnya. Malah, usaha-usaha murni sedemikian wajar diteruskan bukan sahaja untuk program Gema Mahabbah namun untuk sebarang program berkaitan keagamaan atau program yang membentuk jati diri.

## **UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH**

7. Dikeempatan ini, saya bagi pihak Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu para pelajar Majlis Perwakilan Mahasiswa UniSHAMS untuk menjayakan Program Gema Mahabbah '21 : Mahasiswa Kecemerlangan Ummah pada kali ini.
  
8. Saya juga dengan sukacitanya merakamkan ucapan tahniah kepada ahli-ahli jawatankuasa program GEMA MAHABBAH '21 ini yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan pelaksanaan program ini dengan norma baharu. Mudah-mudahan usaha yang disumbangkan ini akan mendapat sebesar-besar ganjaran pahala daripada Allah Swt.

## **PENUTUP DAN LAFAZ PERASMIAN**

9. Akhir kata, saya mengakhiri ucapan ini dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sekaligus merasmikan Penutupan Program Gema Mahabbah '21 : Mahasiswa Kecemerlangan Ummah Universiti Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dengan rasminya.

Sekian, terima kasih. Wabillahi taufiq wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh